



PETRONAS

LAMPIRAN
PANDUAN AM

PERMOHONAN LESEN DAN PENDAFTARAN
PETRONAS

Seksyen Pelesenan & Pendaftaran
Pembentukan dan Kolaborasi Industri
Perolehan Kumpulan
Tel.: 1-800-88-0011
E-mail: lrs_enquiries@petronas.com

Laman web: <https://www.petronas.com> ► Be Our Partner | Licensing & Procurement in Malaysia
(<https://www.petronas.com/be-our-partner/licensing-and-procurement-in-malaysia>)

GLOSSARI & LAMPIRAN

PANDUAN AM PERMOHONAN LESEN DAN PENDAFTARAN PETRONAS		
KANDUNGAN		MUKASURAT
GLOSSARI		I -II
Lampiran 1	SENARAI Dokumen: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Permohonan Baru ▪ Permohonan Pembaharuan ▪ Permohonan Naiktaraf Pendaftaran Kepada Lesen 	L-1
Lampiran 2	SENARAI Dokumen: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Modus Operasi bagi SWEC yang dipohon 	L-2
Lampiran 3	SENARAI Dokumen: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Modus Operasi bagi SWEC 'Penggerudi (Rig)' / 'Kapal (Marine Vessel)' 	L-3
Lampiran 4	Pelantikan Ejen: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Panduan Surat Pelantikan Ejen ▪ Templat Surat Pelantikan Ejen 	L-4
Lampiran 5	SENARAI Dokumen Untuk Pengilang / Pemasang / Pengadun bahan kimia / Pemfabrikasi / Pempakej / Pengintegrasian sistem: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Maklumat Kilang / Bengkel Dan Senarai Peralatan 	L-5

GLOSARI	
Terma	Definisi / Keterangan
'General' SWEC	Produk/perkhidmatan yang mempunyai impak kurang tinggi kepada perniagaan, bidang pasaran yang kurang kompleks dan/atau pelaburan yang kurang tinggi; mudah didapati di pasaran.
Kakitangan	Pekerja syarikat yang merangkumi:- <ul style="list-style-type: none"> • Pengarah Eksekutif atau 'working-position' pengarah • Pekerja syarikat yang telah dikenal pasti sebagai pihak pengurusan syarikat tanpa mengira status pekerjaan i.e. tetap, kontrak, peminjaman dan lain-lain • Kakitangan bukan pengurusan i.e. eksekutif dan bukan eksekutif (kakitangan tetap sahaja).
Lesen	<ul style="list-style-type: none"> • Lesen adalah diperlukan bagi mana-mana entiti yang ingin menyediakan produk/perkhidmatan untuk sektor hulu dalam industri minyak dan gas di Malaysia (iaitu yang melibatkan eksplorasi, pembangunan dan pengeluaran minyak dan gas). • Dengan Lesen yang sah, entiti dibenarkan untuk membekal produk/perkhidmatan kepada sektor hulu industri minyak dan gas di Malaysia dan sektor hiliran Kumpulan Syarikat-syarikat PETRONAS
'Minimum Technical Requirement (MTR)'	Syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh Syarikat apabila membuat permohonan pada mana-mana 'SWEC', selain daripada syarat-syarat am Perlesenan dan Pendaftaran dan biasanya adalah sebahagian syarat-syarat 'Strategic' SWEC
Pendaftaran	PETRONAS telah membuat dasar mewajibkan entiti untuk berdaftar dengan PETRONAS sebelum mengambil bahagian di dalam tender dan kerja-kerja di sektor hiliran ('downstream') bagi Kumpulan Syarikat-syarikat PETRONAS.
Pengurusan	Pihak pengurusan syarikat (tetap dan kontrak) i.e. perkerja yang berjawatan pengurus dan ke-atas e.g. Pengarah Eksekutif atau 'working-position' pengarah
'Strategic' SWEC	Produk/perkhidmatan yang mempunyai impak tinggi kepada perniagaan, bidang pasaran yang kompleks dan/atau pelaburan yang tinggi.
SWEC	SWEC (Standard Bidang Kerja & Kelengkapan) merupakan kategori bidang produk/perkhidmatan yang berkaitan dengan keperluan kedua-dua sektor iaitu hulu dan hiliran di dalam industri minyak dan gas di Malaysia.
Pengurusan Tertinggi	Pekerja bergaji syarikat dengan <u>kedudukan tertinggi</u> dalam syarikat (berjawatan e.g. Pengerusi, CEO, MD, Presiden, Pengarah Eksekutif, Naib Presiden Eksekutif dan lain-lain) yang bertanggungjawab untuk seluruh syarikat

SENARAI DOKUMEN BAGI PERMOHONAN **BARU** / **PEMBAHARUAN** / **MENAIKTARAF** PENDAFTARAN KEPADA LESEN

Bil.	Dokumen	Keterangan dan peringatan
1.0	Berdaftar dgn Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	<p>a. Syarikat mestilah diperbadankan di dalam negara sebagai syarikat `Sdn Bhd' atau `Berhad'.</p> <p>b. Pengecualian diberikan kepada badan profesional, iaitu Lembaga Juruukur Tanah untuk `Juruukur Tanah`, Lembaga Penilai, Penilai dan Ejen Hartanah Malaysia untuk `Penilai`, Lembaga Arkitek Malaysia untuk `firma arkitek` atau badan-badan profesional berkaitan lain. Syarikat dikehendaki mengemukakan pendaftaran / pengesahan yang berkaitan dengan badan profesional.</p> <p>c. Syarikat hendaklah memastikan maklumat syarikat di SSM adalah yang terkini.</p> <p>d. Maklumat Pengurusan dan Kakitangan hendaklah diisytiharkan oleh Syarikat.</p>
2.0	Laporan Kewangan Tahunan beraudit yang terkini	<p>a. Nilai Bersih syarikat hendaklah positif.</p> <p>b. Sekiranya Nilai Bersih negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Permohonan tidak akan diterima. ▪ Syarikat perlu melakukan suntikan modal bagi mengubah Nilai Bersih dari negatif ke positif. ▪ Jika suntikan modal telah dilakukan dan Nilai Bersih telah berubah kepada positif, tetapi masih belum dikemaskini dalam Laporan Kewangan Tahunan beraudit di pengkalan data SSM, syarikat boleh melampirkan dokumen sokongan berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. Laporan Profil Syarikat terkini dari SSM. ii. Akaun Pengurusan Terkini (pada bulan sebelum tarikh permohonan dikemukakan) yang ditandatangani oleh Pengurusan Tertinggi Syarikat. <p>c. Syarikat diberikan pengecualian jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Syarikat ditubuhkan kurang daripada 18 bulan dari tarikh permohonan. Walau bagaimanapun, jika Syarikat ditubuhkan lebih daripada 3 bulan, Syarikat perlu mengemukakan Akaun Pengurusan yang terkini (iaitu bulan sebelum tarikh permohonan dikemukakan) yang ditandatangani oleh Pengurusan Syarikat. ▪ Bagi Syarikat yang bukan 'Sdn Bhd' atau 'Berhad' (iaitu dalam kategori badan profesional), Syarikat perlu mengemukakan Penyata Kewangan Tahunan yang tidak melebihi 18 bulan dari tarikh akhir tahun kewangan Syarikat, yang <u>ditandatangani oleh Pengurusan Syarikat</u>.
3.0	Mematuhi syarat-syarat SWEC yang dipohon	<p>a. Syarikat mesti mematuhi syarat yang ditetapkan untuk SWEC yang dipohon termasuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Mematuhi keperluan minima Bumiputera ii. Keperluan Teknikal Minimum (MTR) iii. Salinan sijil daripada lain-lain kementerian / Jabatan / Agensi kerajaan mestilah masih sah berkuatkuasa dan belum tamat tarikh luput.
4.0	Pengesahan taraf Bumiputera pemegang saham, pengarah and pengurusan	<p>a. Bagi pengesahan Bumiputera pemegang saham dan pengarah syarikat: Syarikat hendaklah melampirkan Form of Annual Return (FoAR) of a Company Having a Share Capital / Section 68 yang terkini.</p> <p>b. Bagi pengesahan Bumiputera pihak pengurusan:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Sijil Lahir ii. Surat pengesahan Anak Negeri daripada:

Open

Bil.	Dokumen	Keterangan dan peringatan
		<ul style="list-style-type: none">a. Pejabat Hal Ehwal Anak Negeri Sabah (PHEANS)b. Mahkamah Anak Negeri Wilayah Persekutuan Labuan (MANWPL)c. Sijil Anak Negeri dari Mahkamah Bumiputera Sarawak (SAN) <p>iii. Bagi pihak pengurusan yang namanya telah dinyatakan dalam FOAR/Section 68, tiada dokumen sokongan tambahan diperlukan.</p>

SENARAI DOKUMEN BAGI MODUS OPERASI UNTUK SWEC YANG DIPOHON

Jenis Operasi	Penjelasan dan Lampiran-lampiran penting
Pegeddar (untuk produk)	<p>a. Pegeddar adalah syarikat yang mengedarkan produk dari mana-mana pembekal / pengilang.</p> <p>b. Dokumen-dokumen lain untuk SWEC yang dipohon.</p>
Ejen (untuk produk atau perkhidmatan)	<p>a. Ejen adalah syarikat yang <u>mewakili Prinsipal (syarikat tempatan atau syarikat asing)</u> dalam membekalkan produk atau perkhidmatan di Malaysia</p> <p>b. Surat perlantikan ejen daripada prinsipal hendaklah dikemukakan. Sila rujuk Lampiran 4 bagi butiran lanjut berkenaan pelantikan Ejen.</p> <p>c. Prinsipal boleh membekalkan produk / perkhidmatan secara langsung melalui ejen (eksklusif atau bukan eksklusif). Ejen boleh mempunyai lebih daripada satu Prinsipal untuk satu SWEC yg sama.</p> <p>d. Tempoh minimum perlantikan ejen adalah tiga (3) tahun. Tempoh lebih dari tiga (3) tahun adalah sangat digalakkan. Contoh: lima (5) tahun.</p> <p>e. Tempoh perlantikan ejen hendaklah sama atau selari dengan tempoh Lesen / Pendaftaran.</p> <p>f. Dokumen-dokumen lain untuk SWEC yang dipohon.</p>
Operasi-sendiri (untuk perkhidmatan)	<p>a. Syarikat yang beroperasi-sendiri adalah syarikat yang menjalankan kerja-kerja menggunakan sumber dalaman syarikat itu sendiri seperti tenaga kerja, kepakaran, kemudahan (tempat) dan peralatan sendiri.</p> <p>b. Dokumen-dokumen lain untuk SWEC yang dipohon.</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Pengilang • Pemasang • Pengadun bahan kimia • Pengintegrasian system • Pemfabrikasi • Pempakej 	<p>a. Senarai peralatan / mesin / perkakasan / perisian / kenderaan</p> <p>b. Lesen pengilang daripada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) atau Majlis tempatan. Syarikat hendaklah melampirkan Surat Pengecualian Perlesenan dari MIDA sekiranya layak.</p> <p>c. Risalah teknikal / komersial untuk produk</p> <p>d. Pelan tapak kilang</p> <p>e. Carta aliran proses seperti contoh proses pengilangan</p> <p>f. Dokumen-dokumen lain untuk SWEC yang dipohon.</p>

SENARAI DOKUMEN BAGI MODUS OPERASI UNTUK SWEC 'PENGGERUDI (RIG)' / 'KAPAL (MARINE VESSEL)'

A) Bagi Permohonan Penggerudi (Rig)

Berikut adalah dokumen yang diperlukan berdasarkan Modus Operasi yang dipohon:

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	CERTIFICATE OF REGISTRY (CoR) OF RIG	SURAT PELANTIKAN	PENYATAAN
JENIS OPERASI			
EJEN	Dibawah nama Pemilik Penggerudi	Daripada Pemilik Penggerudi	CoR dan Surat Pelantikan daripada kumpulan syarikat Pemilik Penggerudi boleh diterima, dengan sekurang-kurangnya 51% ekuiti. Dokumen sokongan untuk mengesahkan struktur syarikat haruslah dikemukakan.
PENGOPERASI PENGGERUDI		Daripada Pemilik Penggerudi	
PEMILIK-PENGOPERASI PENGGERUDI		Tidak Berkenaan	CoR dibawah kumpulan syarikat Pemilik Penggerudi boleh diterima, dengan sekurang-kurangnya 51% ekuiti. Dokumen sokongan untuk mengesahkan struktur syarikat haruslah dikemukakan.

Dokumen sokongan tambahan berikut perlu dilampirkan bagi **PERMOHONAN BARU DAN PEMBAHARUAN** sebagai PEMILIK-PENGOPERASI PENGGERUDI:

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	DOKUMEN PERJANJIAN JUAL BELI	SURAT TAWARAN PEMBIAYAAN DARI BANK TEMPATAN	BUKTI PEMILIKAN / BENEFISIARI MUKTAMAD	PENYATAAN
JENIS OPERASI				
PEMILIK-PENGOPERASI PENGGERUDI	Dibawah nama Pemilik Penggerudi	Dibawah nama Pemilik Penggerudi	Surat Rasmi dari Syarikat menunjukkan pecahan peratusan pemilikan penggerudi (%)	Dokumen Perjanjian Jual Beli dan Surat Tawaran Pembiayaan Dari Bank Tempatan daripada kumpulan syarikat Pemilik Penggerudi boleh diterima, dengan sekurang-kurangnya 51% ekuiti. Dokumen sokongan untuk mengesahkan struktur syarikat haruslah dikemukakan.

Keperluan lain termasuk senarai kapal / penggerudi, spesifikasi kapal, dan dokumen lain yang diperlukan untuk mematuhi Minimum Technical Requirement (MTR) mesti disediakan oleh Syarikat sebagai lampiran dalam permohonan.

B) Bagi Permohonan Kapal (Marine Vessel)

Berikut adalah dokumen yang diperlukan berdasarkan Modus Operasi yang dipohon:

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	CoR OF VESSEL **	SAFETY MANAGEMENT CERTIFICATE*	DOCUMENT OF COMPLIANCE (DoC)*	SURAT PELANTIKAN	PENYATAAN
JENIS OPERASI					
EJEN	Dibawah nama Pemilik Kapal	Dibawah nama Kapal	Dibawah nama Pemilik Kapal	Dibawah nama Pemilik Kapal	CoR, DoC dan Surat Pelantikan daripada kumpulan syarikat Pemilik Kapal boleh diterima, dengan sekurang-kurangnya 51% ekuiti. Dokumen sokongan untuk mengesahkan struktur syarikat haruslah dikemukakan.
PENGOPERASI KAPAL			Dibawah nama Pengoperasi Kapal	Dibawah nama Pemilik Kapal	
PEMILIK-PENGOPERASI KAPAL			Dibawah nama Pemilik Kapal	Tidak Berkenaan	

**Bagi Kapal >500 mt sahaja **Bagi kapal berdaftar di Denmark, sila lampirkan Certificate of Nationality*

Keperluan lain termasuk senarai kapal / penggerudi, spesifikasi kapal, dan dokumen lain yang diperlukan untuk mematuhi Minimum Technical Requirement (MTR) mesti disediakan oleh Syarikat sebagai lampiran dalam permohonan.

PELANTIKAN EJEN: PANDUAN BAGI SURAT PELANTIKAN EJEN

No.	Maklumat Penting	Keterangan									
1.	Maklumat Prinsipal	<p>a. Prinsipal merupakan sebuah syarikat asing atau syarikat tempatan.</p> <p>b. Perlu mengandungi maklumat berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kepala surat rasmi ▪ Nama penuh syarikat ▪ Alamat penuh ▪ Nombor telefon ▪ Alamat e-mel 									
2.	Maklumat Ejen	a. Merupakan sebuah syarikat tempatan yang memenuhi syarat-syarat am pelesenan / pendaftaran.									
3.	Liputan Perlantikan (<i>area of coverage</i>)	<p>a. Klausula untuk surat perlantikan ejen boleh bersifat eksklusif atau tidak eksklusif dan hendaklah dinyatakan secara jelas di dalam surat.</p> <p>b. Liputan untuk pelantikan juga harus dinyatakan dengan jelas, seperti Asia Tenggara, Malaysia Barat, Malaysia Timur, Sabah, Sarawak, dan lain-lain.</p>									
4.	Bidang Perkhidmatan/ Produk	<p>a. Perkhidmatan/Produk yang dibekalkan hendaklah dinyatakan secara jelas di dalam surat perlantikan. Syarikat dikehendaki mengikut format di bawah.</p> <table border="1" style="margin-left: 40px;"> <thead> <tr> <th>KOD SWEC</th> <th>DESKRIPSI BIDANG</th> <th>MAKLUMAT BERKAITAN PRODUK / PERKHIDMATAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Rujuk:- PETRONAS SWEC List</td> <td>Rujuk:- PETRONAS SWEC List</td> <td>Details of product/service offered</td> </tr> <tr> <td>E.g. 16221100P</td> <td>E.g. Motor Vehicle</td> <td>E.g. Passenger car, motorcycle, pickup truck, etc.</td> </tr> </tbody> </table> <p>b. Senarai produk/perkhidmatan hendaklah mengikut kategori dan kod SWEC yang dimohon hendaklah diketengahkan, contohnya abjad dibekalkan atau ditukar warna.</p> <p>c. Nyatakan deskripsi bidang dan gunakan terminologi yang tepat mengikut senarai SWEC terkini.</p>	KOD SWEC	DESKRIPSI BIDANG	MAKLUMAT BERKAITAN PRODUK / PERKHIDMATAN	Rujuk:- PETRONAS SWEC List	Rujuk:- PETRONAS SWEC List	Details of product/service offered	E.g. 16221100P	E.g. Motor Vehicle	E.g. Passenger car, motorcycle, pickup truck, etc.
KOD SWEC	DESKRIPSI BIDANG	MAKLUMAT BERKAITAN PRODUK / PERKHIDMATAN									
Rujuk:- PETRONAS SWEC List	Rujuk:- PETRONAS SWEC List	Details of product/service offered									
E.g. 16221100P	E.g. Motor Vehicle	E.g. Passenger car, motorcycle, pickup truck, etc.									
5.	Tempoh Perlantikan	<p>a. Tarikh Permulaan dan Tamat Perlantikan hendaklah dinyatakan secara lengkap mengandungi hari, bulan dan tahun.</p> <p>b. Tempoh minimum perlantikan ejen adalah tiga (3) tahun.</p> <p>c. Surat perlantikan hendaklah diperbaharui 3 bulan sebelum tamat tempoh.</p> <p>d. Bagi pembaharuan Lesen/Pendaftaran, tempoh perlantikan ejen digalakkan sama atau selari dengan tempoh Lesen / Pendaftaran.</p>									
6.	Penandatanganan Surat	<p>Perlu mengandungi maklumat penandatanganan seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Ditandatangani oleh kakitangan pengurusan syarikat prinsipal ▪ Nama penuh penandatanganan 									

		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Jawatan penandatanganan
--	--	---

PELANTIKAN EJEN: TEMPLAT SURAT PELANTIKAN EJEN

Complete Principal Company's Name
 Full Address
 Postcode Country.
 Tel: +49 (0) XXXX / XXXX-X
 E-mail Address: xxx@xv.de Website: www.xx.de

Letter Head

Date of Letter

Complete Agent Company's Name
 Full Address
 Postcode Country.
 Attention: Full Name
 Designation

Dear Sir,

RE: APPOINTMENT LETTER

We, (name of principal) hereby confirm that your company, (name of agent) has been appointed as our **AGENT** for our product as follows:

SWEC CODE	SCOPE DESCRIPTION	INFORMATION OF PRODUCT/SERVICE
Refer to PETRONAS SWEC List	Refer to PETRONAS SWEC List	Details of product/service offered
E.g. 28131000P	E.g. Ball Valve	E.g. To supply and deliver Ball valve (Non-Firesafe)

This appointment shall be effective from ____ (day, month, year) to ____ (day, month, year) and must be renewed in writing before expiration.

Thank you.

Yours faithfully,

Complete Principal Company's Name
 Full Name
 Designation

SENARAI DOKUMEN BAGI PERMOHONAN SEBAGAI PENGI LANG, PEMASANG, PENGADUN BAHAN KIMIA, PEMFABRIKASI, PEMPAKEJ DAN PENGINTEGRASI SISTEM

Kilang / Bengkel / dan Senarai Peralatan

Kilang / lapangan fabrikasi / bengkel / stor	
Alamat	
Keluasan	Pemilikan (sila tanda 'V') <input type="checkbox"/> Milik sendiri <input type="checkbox"/> Disewa
Nama pemilik (jika disewa)	
Alamat pemilik (jika disewa)	

Lesen pengilang daripada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) / Majlis tempatan			
Nombor lesen		Tempoh lesen	

Sila sertakan **salinan sijil** untuk lesen pengilang yang tersebut di atas.

Senarai Peralatan				
Bil.	Peralatan / mesin / perkakasan / perisian / kenderaan	Kuantiti / Saiz / Keluasan	Pemilikan (milik sendiri / disewa)	Pemilik (jika disewa)

- LAMPIRAN PANDUAN AM TAMAT -